

# Cagamas tambah terbitan dalam pasaran bon dolar Singapura

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd mengumumkan penerbitan dalam denominasi dolar Singapura (SGD) yang ketiga bagi tahun ini dan kedua di bawah Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata wang Konvensional (EMTN) Cagamas Global P.L.C., bernilai AS\$2.5 bilion.

EMTN SG\$100 juta itu, dengan tempoh matang dua tahun, akan dijamin sepenuhnya dan tanpa syarat oleh Cagamas, Perbadanan Gadai Janji Nasional Malaysia.

"Urus niaga itu adalah hasil daripada penglibatan pelabur proaktif dan berjaya ditetapkan pada harga 44 mata asas (bps) berbanding Kadar Tawaran Pertukaran Singapura.

"Ini lebih berdaya saing berbanding dengan meningkatkan dana dalam negara dan oleh itu, syarikat dapat terus menyediakan mudah tunai kepada institusi kewangan pada kos yang kompetitif," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Chung Chee Leong dalam satu kenyataan semalam.

Permintaan untuk kertas Cagamas kekal kukuh dan termasuk langganan daripada pelabur baru, sebagai tambahan kepada pelabur sedia ada yang ditetapkan pada kertas SGD syarikat sebelum ini.

Kertas berkenaan membawa penarafan penerbitan A3 oleh Moody's, setara dengan penarafan bagi program ini.

Aktiviti utama penerbit

adalah untuk menjalankan urusan perantara mendapatkan dana.

Cagamas merupakan penerbit kedua terbesar instrumen hutang selepas kerajaan Malaysia dan penerbit terbesar sekuriti hutang AAA dalam pasaran.

Sejak diperbadankan pada tahun 1986, Cagamas telah menerbitkan secara kumulatif sukuk dan bon konvensional sebanyak RM278.7 bilion.

Cagamas dipandang tinggi di peringkat antarabangsa dan telah diberikan penarafan penerbit jangka panjang mata wang asing dan tempatan A3 oleh Moody's Investors Service Inc., selaras dengan penarafan negara Malaysia.

— Bernama